

## **TOKOH PROLIFIK DALAM BIDANG PENGAJIAN ISLAM DI NUSANTARA: SATU ANALISIS**

**Hayati binti Hussin, Dr.Sabri bin Mohamad, Dr.Wan Nasyrudin Wan Abdullah,  
Dr.Abdul Rahim Ahmad**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### **ABSTRAK**

*Kajian ini adalah untuk memperkenalkan dua orang tokoh Nusantara yang pernah menjadi tumpuan para pencinta ilmu di Makkah al-Mukarramah pada awal kurum ke-20. Mereka juga meninggalkan kesan yang signifikan di tempat kelahirannya di Pulau Jawa. Untuk mengenalpasti ketokohan mereka dalam bidang pengajian Islam amnya, karya ilmiah dan kreatif yang menentukan tahap estetika ilmu ditonjolkan, sesuai dengan keperluan artikel sebegini. Metodologi kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan mencakupi sumber maklumat daripada karya penulisan mereka yang berupa kitab yang diterbitkan, manuskrip asal yang belum terusik, kajian tesis berkaitan manuskrip serta laman sesawang rasmi institusi yang ditubuhkan oleh pewaris serta yang mempunyai kaitan dengan tokoh yang dikaji. Metode temubual bersama cucu-cicit serta waris-waris di seberang juga turut digunakan dalam mengenalpasti latar belakang tokoh, juga pandangan umum terhadap ketokohnya. Hasil kajian mendapati ketokohan ulama Nusantara dalam arena pengajian Islam ini sememangnya unggul berdasarkan kepada dua faktor: Pertama: Karya-karya detil yang menjangkaui ratusan tahun mampu memberi impak terhadap dunia akademik dan sistem pengajian talaqqi. Kedua: Impak sebenar karya-karya yang ditulis masih dapat dilihat sehingga sekarang di pusat-pusat pengajian agama terutamanya dalam beberapa bidang serta boleh didapati di beberapa buah perpustakaan di Malaysia.*

---

### **1. Pengenalan**

Kota Mekah sejak berabad-abad yang lampau lagi merupakan kegiatan ulama-ulama besar Nusantara yang telah meletakkan batu asas pengajian Islamiah yang kukuh di Asia Tenggara. Di sanalah mereka menyusun dan mengarang melahirkan karya-karya ilmiah yang besar, mereka mengajar dan mendidik melahirkan generasi ulama-ulama rumpun Melayu yang menjadi pemimpin-pemimpin Agama yang terkemuka di merata pelusuk dunia. Nama-nama yang dominan seperti Syeikh Nawawi al-Bantani, Syeikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi, Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy, Syeikh Muhsin al-Masawi, Syeikh Daud al-Fatani, dan lain-lain merupakan tokoh-tokoh yang terdidik di kota suci Mekah<sup>1</sup>. Suasana ilmu pengajian di Mekah pada ketika itu semakin berkembang serta pengajian-pengajian di tiang-tiang Masjidil Haram semakin rancak sehingga program-program halaqah ilmu pada ketika itu mencapai kepada seratus dua puluh halaqah. Di antara syarat-syarat kelayakan yang mesti dipenuhi bagi mereka yang ingin mengajar di Masjidil Haram mestilah menduduki ujian terbuka yang di adakan oleh lembaga ulama-ulama Masjidil Haram. Ujian tersebut bertujuan untuk menilai tahap kelayakan bagi mereka yang ingin mengajar di sana. Sekiranya berjaya maka akan diberikan sijil kelayakan untuk mengajar di Masjidil Haram<sup>2</sup>.

---

<sup>1</sup> Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, 1988. Majlis Agama Islam dan adat Istiadat Melayu Kelantan. Kuala Lumpur. Cet.1. Hlm:128.

<sup>2</sup> Mustafa al-Sibaiy, *Tarikh Mekah*.

### **Ulama-Ulama Nusantara di Mekkah**

Peranan ulama yang berasal dari dunia Melayu di Masjidil Haram Mekah sudah berjalan begitu lama dan bersambung dari satu generasi ke generasi yang berikutnya. Walaubagaimanapun kajian ini hanya mendatangkan dua orang ulama Nusantara yang mendapat pendidikan di Mekah seterusnya mengajar di Masjidil Haram.

### **Biodata Tokoh (^Abdul Latif bin ^Abdullah al-Minankabawiy)**

Nama lengkap beliau ialah ^Abdul Latif bin ^Abdullah al-Minankabawiy. Beliau dilahirkan di Minangkabau Sumatera Barat pada hari Isnin 6 zulhijjah 1276 H/1860 M dan wafat di Mekah hari Isnin 8 Jamadilawal 1334 H/1916 M<sup>3</sup>.

### **Pendidikan dan Guru-Guru Beliau:**

Mendapat pendidikan awal memasuki sekolah pemerintah Belanda di Minangkabau serta mendapat pendidikan agama dari keluarganya sendiri. Setelah di Mekah berguru dengan ulama-ulama terkemuka di sana seperti Sayyid Bakri Syatha, Sayyid Ahmad bin Zaini Dahlan, dan Syekh Muhammad bin Sulayman Hasbullah al-Makkiy<sup>4</sup>.

Imam Masjidil Haram ini adalah ilmuan yang menguasai ilmu fiqh, sejarah, aljabar, ilmu falak, ilmu hitung, dan ilmu ukur (geometri). Perhatiannya terhadap hukum waris juga sangat tinggi, kepakarannya dalam ilmu mirath (hukum waris) telah membawa pembaharuan adat Minang yang bertentangan dengan Islam. Syeikh Ahmad Khatib juga pakar dalam geometri dan trigonometri yang berfungsi untuk menentukan arah kiblat, serta berfungsi untuk mengetahui peredaran bumi dan membuat kompas yang berguna ketika berlayar. Kajian dalam bidang geometri ini tertua dalam penulisannya yang bertajuk Raudhat al-Hussab Fi A^mali ilmi al-Hisab. Beliau juga pakar dalam ilmu falak. Hingga saat ini, ilmu falak digunakan untuk menentukan awal Ramadhan dan Syawal, perjalanan matahari termasuk perkiraan waktu solat, gerhana bulan dan matahari, serta kedudukan bintang-bintang, galaksi dan lainnya<sup>5</sup>.

### **Mengajar Di Masjidil Haram**

Syeikh Ahmad Khatib al-Minangkabawiy Satu-satunya orang bukan Arab yang menjadi imam besar Masjidil Haram di Mekah. Syeikh Ahmad Khatib Al-Minangkabawiy adalah ulama besar Indonesia yang pernah menjadi imam, khatib dan guru besar di Masjidil Haram, sekaligus Mufti Mazhab Syafi'iyy pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19. Dia memiliki peranan penting di Mekah al-Mukarramah dan di sana menjadi guru para ulama Indonesia<sup>6</sup>.

### **Di antara Karangan-Karang Beliau Adalah :**

Karya Syeikh Ahmad Khatib Al-Minangkabawiy yang telah ditemui hanya 17 judul ada yang ditulis dengan bahasa Arab dan ada dengan bahasa Melayu. Di antaranya ialah<sup>7</sup>:

---

<sup>3</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Koleksi Ulama Nusantara*, 2005. Khazanah Fathaniyah. Perpustakaan Ukm. Kuala Lumpur. Cet 1.Jld: 2. Hlm: 21.

<sup>4</sup>Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Koleksi Ulama Nusantara*,2005.Hlm: 21

<sup>5</sup>[http://pelitatangerang.xgem.com/index?\\_\\_xtblog\\_blog\\_page=6&\\_\\_xtblog\\_entry=4e3595ac33cfe3815000000e](http://pelitatangerang.xgem.com/index?__xtblog_blog_page=6&__xtblog_entry=4e3595ac33cfe3815000000e)

<sup>6</sup>Ibid.

<sup>7</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Koleksi Ulama Nusantara*, 2005. Khazanah Fathaniyah. Perpustakaan Ukm. Kuala Lumpur. Cet 1.Jld: 2. Hlm: 23.

1- Al-Jauharun Naqiyah Fi ‘Amali Jaibiyyah (Bahasa Arab). Diselesaikan pada hari Isnin 28 Zulhijjah 1303H. Kandungan membicarakan ilmu miqat. Dicetak oleh Mathba‘ah al-Maimuniyah Mesir, Rejab 1309H.

2- Hasyiyah al-Nafahat ‘ala Syarhi al-Waraqat (Bahasa Arab) diselesaikan hari Khamis 20 Ramadan 1306H. Kandungan mengenai ilmu ushul Fiqh. Dicetak oleh Mathba‘ah Dar al-Kutb ‘Arabiyyah al-Kubra, Mesir, 1332H.

3- Raudhatu al-Hussab Fi ‘Amali ‘Ilm Hisab (Bahasa Arab) diselesaikan peringkat pertama hari Ahad 19 zulqa‘idah 1307H, di Mekah. Kandungan mengupas dengan mendalam perkara matematik. Dicetak oleh Mathba‘ah al-Maimuniyah Mesir, Zulqa‘idah 1310H.

### **Biodata Mahfuz al-Tarmasiy**

Nama beliau ialah Muhammad Mahfuz bin ‘Abdillah bin ‘Abd al-Mannan al-Tarmasiy. lahir di Tremas, Pacitan, Jawa Tengah, pada 12 Jamadilawal 1285H (31 Ogos 1868M). Namun terdapat sedikit percanggahan mengenai tarikh lahir beliau. Cucu beliau, Kiyai Harir<sup>8</sup> ketika memperkenalkan biodata datuknya pada permulaan kitab *al-Khal‘ah al-Fikriyyah fi Syarh al-Minhah al-Khayriyyah* menyebut: “Tahun kelahiran beliau dipersilahkan orang. Ada yang mengatakan bahawa tahunnya ialah 1285H. Ia merupakan pendapat Syeikh Yasin Padang<sup>9</sup> di penutup Kitab *Kifayat al-Mustafid*, halaman 44. Ada juga yang mengatakan bahawa tarikh lahir beliau adalah pada hari Isnin, 6 Safar tahun 1280H. Ia merupakan pandangan adik kandung beliau, Syeikh Dahlan bin ‘Abdullah al-Tarmasiy<sup>10</sup>.

Hakikatnya, tahun kelahiran tokoh-tokoh terdahulu sering menjadi isu dan perbincangan kerana ia jarang direkod dan didokumentasikan seperti kita di zaman ini. Berbeza halnya dengan tarikh kematian yang kadangkala turut diperdebatkan, tokoh-tokoh tersebut telahpun terkenal dan diikuti perkembangannya oleh peminat, pengikut, pelajar dan pengkaji. Dalam konteks al-Tarmasiy, pandangan adiknya, Syeikh Dahlan, bahawa tahun kelahiran al-Tarmasiy pada 6 Safar 1280H (bersamaan 22 Julai 1863M) sebenarnya lebih tepat. Ini kerana pada kebiasaannya, hubungan kekeluargaan lebih menjamin kesahihan data dalam hal-hal sebegini.

---

<sup>8</sup> Penulis berkesempatan bertemu dengan Kiyai Harir pada 2010 di pondok pesantren beliau di Demak. Banyak juga maklumat biografi dokumentasi dan lisan yang berjaya diperolehi berkenaan datuknya. Kiyai Harir menghembuskan nafasnya yang terakhir pada awal 2014. Semoga beliau ditempatkan bersama para salihin di syurga.

<sup>9</sup> Muhammad Yasin bin Muhammad Isa dilahirkan di Mekah pada 1335H bersamaan 1916M. Beliau membesar di sana di bawah asuhan ayahnya dan juga bapa saudaranya, Syeikh Mahmud. Keluarganya berasal dari Kota Padang, Indonesia yang berhijrah ke Mekah. Pengajian awal beliau bermula di Madrasah Saulatiyyah dan pada masa sama mengikuti halaqah-halaqah ilmu di al-Masjid al-Haram yang disampaikan oleh para ulama, termasuklah al-Tarmasiy. Beliau melanjutkan pengajian dan menamatkannya di Madrasah Dar al-Ulum al-Diniyyah, Mekah. Beliau meninggal dunia pada Zulhijjah 1410H bersamaan 1990M.

<sup>10</sup> Al-Tarmasiy. Khilah al-Fikriyya

Sebagai bukti kemantapan ilmu serta kemasyhuran beliau, al-Zirikliy<sup>11</sup> menyebut al-Tarmasiy dengan katanya: "Muhammad Mahfuz bin <sup>c</sup>Abdillah bin <sup>c</sup>Abd al-Mannan al-Tarmasiy (wafat selepas 1329H bersamaan 1911M), seorang ulama fiqh mazhab Shafi<sup>c</sup>iy dan salah seorang ahli al-Qiraat. Beliau juga berkecimpung dalam bidang hadith"<sup>12</sup>.

Al-Tarmasiy meninggal dunia di Mekah pada 1 Rejab 1338H/20 Mac 1920M. Tarikh ini dipersetujui oleh semua penulis biodata. Waktu pemergiannya ialah sebelum azan maghrib dikumandangkan pada petang Ahad. Jenazahnya dikebumikan di Perkuburan Bani Taslim<sup>13</sup>.

### **Al-Tarmasiy Di Nusantara**

Kehidupan al-Tarmasiy di Nusantara bermula dari kelahirannya. Namun ketika berusia enam tahun ayahnya membawanya ke Mekah. Di situ dia berpeluang memulakan pendidikan awal dengan mempelajari beberapa buah kitab. Kemudian beliau dibawa pulang ke Tanah Jawa<sup>14</sup>. Kehidupan al-Tarmasiy terus berlangsung di Nusantara sehingga berusia 23 tahun apabila beliau merantau semula ke Mekah untuk menuntut ilmu. Tiada maklumat yang diperolehi menyatakan beliau ada pulang ke Nusantara untuk menziarahi kampung halaman selepas itu. Bahkan kelihatannya beliau terus bermukim di Tanah Suci sehinggalah menghembuskan nafas yang terakhir pada usia 58 tahun<sup>15</sup>.

### **Al-Tarmasiy Selepas Berhijrah ke Mekah**

Berkat doa Nabi Ibrahim a.s agar sebahagian manusia jatuh hati dengan bumi yang tandus ini<sup>16</sup>, ramai ulama yang bertumpu di Mekah. Maka tidak hairanlah jika al-Tarmasiy bersama ayahnya telah berkelana ke Mekah sebanyak dua kali. Kali pertama pada tahun 1291H iaitu ketika beliau berusia enam tahun, manakala kali kedua pada tahun 1303H ketika beliau berusia 23 tahun<sup>17</sup>.

### **Pendidikan al-Tarmasiy (Pendidikan awal di Nusantara)**

Syeikh Muhammad Mahfuz ada mengarang sebuah kitab yang begitu terperinci berkaitan pengajian beliau di dalam kitab *Kifayat al-Mustafid li ma <sup>c</sup>Ala min al-Asanid*<sup>18</sup>. Sanad

<sup>11</sup> Khayr al-Din al-Zirikliy (1310H-1396H/ 1793M-1976M) merupakan seorang sejarawan, sasterawan, penyair, dan pengarang. Nama penuhnya ialah Khayr al-Din ibn Mahmud ibn Muhammad ibn Ali ibn Faris al-Zirikliy al-Dimashqi. Dia lahir di Beirut. Ibu bapanya berasal dari Damsyik. Dia dibesarkan dan mendapat pendidikan di Damsyik serta berguru dengan para ulama di sana. Kemudian, dia menumpukan perhatian dalam bidang sastera dan berjaya menerbitkan majalah mingguan yang bertajuk al-Asmai.

<sup>12</sup> Al-Zirikliyy, *Al-A<sup>c</sup>lam- Qamus Tarajum li Ashhar al-Rijal wa al-Nisa' min al-<sup>c</sup>Arab wa al-Musta<sup>c</sup>ribin wa al-Mustashriqin*. 1984. Beirut: Dar al-<sup>c</sup>Ilm li al-Malayin. Cet.9. Hlm.34.

<sup>13</sup> Al-Tarmasiy. Hasyiyyah al-Tarmasiy. 2011.

<sup>14</sup> Al-Tarmasiy, Hasyiyyah al-Tarmasiy.2011.

<sup>15</sup> Temubual bersama cucu beliau, Kiyai Harir.2010

<sup>16</sup> Al-Baqarah: 126.

<sup>17</sup> Temubual bersama cucu beliau, Kiyai Harir.2010

<sup>18</sup> Penulisannya diselesaikan pada hari Selasa, 19 Safar 1320 H. Kandungannya membincarakan pelbagai sanad keilmuan Muhammad Mahfuz bin <sup>c</sup>Abdullah at-Tarmasiy. Dicetak oleh Mathba<sup>c</sup>ah al-Masyhad al-Husaini, No.18 Syari<sup>c</sup> al-Masyhad al-Husaini, Mesir (tanpa tahun). Kitab ini ditashhih dan ditahqiq oleh Syeikh Muhammad Yasin bin <sup>c</sup>Isa al-Fadaniy al-Makkiy, al-Mudarris Dar al-<sup>c</sup>Ulumid Diniyah, Mekah.

pengajian ilmu-ilmu Pengajian Islam telah beliau rakamkan secara terperinci di dalamnya. Muhammad Mahfuz pada mulanya mendapat pendidikan dari ayahnya sendiri, Syeikh <sup>c</sup>Abdullah bin <sup>c</sup>Abd al-Mannan al-Tarmasiy. Antara kitab yang dipelajari dari ayahandanya adalah *Syarh al-Ghayah li Ibniy Qasim al-Ghuzza, al-Minhaj al-Qawim, Fath al-Mu<sup>c</sup>in, Fath al-Wahhab, Syarh Syarqawiy <sup>c</sup>ala al-Hikam* dan sebahagian *Tafsir al-Jalalain* sehingga Surah Yunus. Seterusnya Syeikh Mahfuz melanjutkan pengajiannya ke Semarang dan belajar kepada Muhammad Saleh bin Umar atau lebih dikenali dengan Kiai Muhammad Saleh Darat al-Samarani, seorang ulama terkemuka di Jawa Tengah abad ke-19. Kitab-kitab yang dipelajari ialah *Syarh al-Hikam* (dua kali khatam), *Tafsir al-Jalalain* (dua kali khatam), *Syarh al-Mardiniy* dan *Wasilah al-Tullab*, mengenai ilmu falak. Setelah tamat pengajian di Semarang berkelana pula ke Mekah untuk menuntut ilmu. Fenomena ini adalah merupakan tradisi penuntut ilmu agama di Nusantara iaitu menamatkan pengajian mereka di Mekah (Al-Tarmasiy.2011).

Syeikh Muhammad Mahfuz ada mengarang sebuah kitab yang begitu terperinci berkaitan pengajian beliau di dalam kitab *Kifayat al-Mustafid li ma <sup>c</sup>Ala min al-Asanid*<sup>19</sup>. Sanad pengajian ilmu-ilmu Pengajian Islam telah beliau rakamkan secara terperinci di dalamnya. Muhammad Mahfuz pada mulanya mendapat pendidikan dari ayahnya sendiri, Syeikh <sup>c</sup>Abdullah bin <sup>c</sup>Abd al-Mannan al-Tarmasiy. Antara kitab yang dipelajari dari ayahandanya adalah *Syarh al-Ghayah li Ibniy Qasim al-Ghuzza, al-Minhaj al-Qawim, Fath al-Mu<sup>c</sup>in, Fath al-Wahhab, Syarh Syarqawiy <sup>c</sup>ala al-Hikam* dan sebahagian *Tafsir al-Jalalain* sehingga Surah Yunus. Seterusnya Syeikh Mahfuz melanjutkan pengajiannya ke Semarang dan belajar kepada Muhammad Saleh bin Umar atau lebih dikenali dengan Kiai Muhammad Saleh Darat al-Samarani, seorang ulama terkemuka di Jawa Tengah abad ke-19. Kitab-kitab yang dipelajari ialah *Syarh al-Hikam* (dua kali khatam), *Tafsir al-Jalalain* (dua kali khatam), *Syarh al-Mardiniy* dan *Wasilah al-Tullab*, mengenai ilmu falak. Setelah tamat pengajian di Semarang berkelana pula ke Mekah untuk menuntut ilmu. Fenomena ini adalah merupakan tradisi penuntut ilmu agama di Nusantara iaitu menamatkan pengajian mereka di Mekah (Al-Tarmasiy.2011).

Syeikh Muhammad Mahfuz ada mengarang sebuah kitab yang begitu terperinci berkaitan pengajian beliau di dalam kitab *Kifayat al-Mustafid li ma <sup>c</sup>Ala min al-Asanid*<sup>20</sup>. Sanad pengajian ilmu-ilmu Pengajian Islam telah beliau rakamkan secara terperinci di dalamnya. Muhammad Mahfuz pada mulanya mendapat pendidikan dari ayahnya sendiri, Syeikh <sup>c</sup>Abdullah bin <sup>c</sup>Abd al-Mannan al-Tarmasiy. Antara kitab yang dipelajari dari ayahandanya adalah *Syarh al-Ghayah li Ibniy Qasim al-Ghuzza, al-Minhaj al-Qawim, Fath al-Mu<sup>c</sup>in, Fath al-Wahhab, Syarh Syarqawiy <sup>c</sup>ala al-Hikam* dan sebahagian *Tafsir al-Jalalain* sehingga

---

<sup>19</sup> Penulisannya diselesaikan pada hari Selasa, 19 Safar 1320 H. Kandungannya membicarakan pelbagai sanad keilmuan Muhammad Mahfuz bin <sup>c</sup>Abdullah at-Tarmasiy. Dicetak oleh Mathba<sup>c</sup>ah al-Masyhad al-Husaini, No.18 Syari<sup>c</sup> al-Masyhad al-Husaini, Mesir (tanpa tahun). Kitab ini ditashih dan ditahqiq oleh Syeikh Muhammad Yasin bin <sup>c</sup>Isa al-Fadaniy al-Makkiy, al-Mudarris Dar al-<sup>c</sup>Ulumid Diniyah, Mekah.

<sup>20</sup> Penulisannya diselesaikan pada hari Selasa, 19 Safar 1320 H. Kandungannya membicarakan pelbagai sanad keilmuan Muhammad Mahfuz bin <sup>c</sup>Abdullah at-Tarmasiy. Dicetak oleh Mathba<sup>c</sup>ah al-Masyhad al-Husaini, No.18 Syari<sup>c</sup> al-Masyhad al-Husaini, Mesir (tanpa tahun). Kitab ini ditashih dan ditahqiq oleh Syeikh Muhammad Yasin bin <sup>c</sup>Isa al-Fadaniy al-Makkiy, al-Mudarris Dar al-<sup>c</sup>Ulumid Diniyah, Mekah.

Surah Yunus. Seterusnya Syeikh Mahfuz melanjutkan pengajiannya ke Semarang dan belajar kepada Muhammad Saleh bin Umar atau lebih dikenali dengan Kiai Muhammad Saleh Darat al-Samarani, seorang ulama terkemuka di Jawa Tengah abad ke-19. Kitab-kitab yang dipelajari ialah *Syarah al-Hikam* (dua kali khatam), *Tafsir al-Jalalain* (dua kali khatam), *Syarah al-Mardiniyy* dan *Wasilah al-Tullab*, mengenai ilmu falak. Setelah tamat pengajian di Semarang berkelana pula ke Mekah untuk menuntut ilmu. Fenomena ini adalah merupakan tradisi penuntut ilmu agama di Nusantara iaitu menamatkan pengajian mereka di Mekah (Al-Tarmasiy.2011).

### **Pendidikan di Mekah (Guru-guru al-Tarmasiy)**

Antara guru-guru beliau di Mekah ialah (Al-Tarmasiy.2011.Wan Mohd Shaghir Abdullah.2005):

- 1- Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Zain al-<sup>c</sup>Abidin Shata al-Makkiy. Dilahirkan di Mekah pada tahun 1226H dan bermazhab Syafi<sup>c</sup>iy. Shata menghafal al-Quran ketika berumur tujuh tahun. Beliau juga banyak menghafal matan dalam pelbagai bidang di antaranya ialah al-Qiraat, al-Fiqh al-Syafi<sup>c</sup>iy, al-Faraaid, al-Nahu dan al-Balaghah. Beliau merupakan salah seorang tenaga pengajar di al-Masjid al-Haram. Shata mempunyai ramai anak murid di antaranya Ahmad Zaini Dahlan dan Al-Tarmasiy. Al-Tarmasiy berkata: "Teladan kami yang paling sempurna dan merupakan tempat aku bergantung sehingga aku berjaya mendapat kemuliaan berhubungan dengannya". Al-Tarmasiy telah mempelajari pelbagai ilmu daripada Shata di antaranya ialah ilmu-ilmu syariat dan Alat al-Adabiyyah. Samada naqli ataupun aqli serta cabang dan juga teras. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 1310H.
- 2- Syeikh Ahmad al-Minshawiy yang dikenali sebagai Muqri kepada ulama ini. Al-Tarmasiy belajar Qiraat <sup>c</sup>Asim, tajwid dan sebahagian *Sharh Ibn al-Qasih* <sup>c</sup>ala al-Shatibiyyah (tidak sempat khatam).
- 3- Syeikh <sup>c</sup>Umar bin Barakat al-Shamiy al-Biqa<sup>c</sup>iy al-Azhariy al-Makkiy al-Syafi<sup>c</sup>iy. Dilahirkan al-Biqa<sup>c</sup>iy di kampung Ba<sup>c</sup>lul pada tahun 1245H. Beliau memulakan kehidupan di kampung halamannya, kemudian beliau berpindah ke Damsyik dan menuntut pelbagai ilmu di sana. Seterusnya beliau pergi ke Mesir dan belajar dengan ulama-ulama di al-Azhar, di antaranya ialah al-<sup>c</sup>Allamah al-Bajuriy dan al-<sup>c</sup>Allamah al-Saqa. Beliau tinggal di Mesir selama 15 tahun. Beliau pergi ke Mekah pada tahun 1276H. Beliau mula belajar pelbagai ilmu di sana dan seterusnya mengajar di sana. Beliau meninggal dunia di Mekah pada tahun 1313H. kitab yang dipelajari oleh al-Tarmasiy daripada beliau ialah *Syarah Shudhur al-Dhahab li Ibn Hisham*.
- 4- Syeikh Mustafa bin Muhammad bin Sulayman al-<sup>c</sup>Afifiy. Kitab yang dipelajari ialah *Sharh Jami<sup>c</sup> al-Jawami<sup>c</sup> li al-Mahalliy* dan *Mughni al-Labib*. Dilahirkan di <sup>c</sup>Afif, iaitu salah satu perkampungan di Mesir. Beliau seorang yang menghafal al-Quran. Beliau juga menghafal matan-matan dan membentangkannya di hadapan syeikh-syeikh al-Azhar. Beliau juga banyak belajar dengan ulama-ulama al-Azhar seperti Syeikh Mustafa al-Bulaqiy, kemudian beliau pergi ke Mekah dan menetap di sana. Beliau juga belajar dengan Syeikh Jamal al-Hanafiy. Beliau telah mendapat ijazah untuk mengajar di al-Masjid al-Haram.

- 5- Al-Habib Husayn bin Muhammad bin Husayn al-Habsiy al-Shafī‘iy. Beliau dilahirkan Seiyun, Hadramaut, Yaman. Al-Tarmasiy berkata: “Aku mendengar (secara talaqqi) bermula dari awal Sahih al-Bukhari sehingga tamat”.

### **Murid-Murid al-Tarmasiy**

Beliau memiliki banyak murid-murid yang handal dan alim, bukan saja dari golongan pelajar Nusantara, bahkan dari seluruh benua termasuklah pelajar-pelajar Arab pada masa itu, di antara murid-muridnya ialah(al-Tarmasiy.2008):

- 1 - Ali bin Mahmud bin Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari. Beliau lahir di Mekah pada tahun 1285H/1868M. Di antara guru-guru beliau ialah Abu Bakar Shata, Sa‘id Yamaniy dan al-Tarmasiy. Beliau mempelajari ilmu Fekah dan -Nahu Sheikh daripada al-Tarmasiy. Ali al-Banjari telah diijazahkan untuk mengajar di Masjid al-Haram. Beliau meninggal dunia pada tahun 1348H.
- 2 - Muhammad Dimyati at-Tarmasi. Beliau dilahirkan pada tahun 1894 dan meninggal dunia pada tahun 1934M/1354H. Dimyathi lebih dikenal dengan panggilan ‘Mbah Guru’.
- 3 - Umar bin Abi Bakr bin Abdullah bin Umar bin Ali bin Muhammad al-Bajind al-Hadrami al-Makkiy. Dilahirkan di Hadramaut pada tahun 1270H. Beliau seorang penghafal al-Quran. Umar bin Abi Bakr telah berhijrah ke Mekah untuk menuntut ilmu. Di antara guru-guru beliau di Mekah ialah Muhammad Sa‘id Babashail, Ahmad Zaini Dahlan dan juga al-Tarmasiy.
- 4 - Muhammad Habib bin Abdullah bin Ahmad al-Shanqitiy. Dilahirkan di Shankit, Mauritania pada tahun 1295H. Beliau bermusafir ke Magribi, Damsyik, Mekah dan Mesir. Muhammad Habib al-Shankitiy menuntut ilmu daripada ulamak-ulamak yang hebat dari setiap negara-negara yang telah dijelajahi. Beliau meninggal dunia pada tahun 1363H di Mesir.
- 5 - Muhammad Hasyim Asy‘ari. Dilahirkan di Desa Gedong, Jombang Jawa Timur pada hari Selasa bersamaan 24 Zulkaedah 1287H/14 Februari 1871M. Beliau memulakan pengajiannya bermula daripada ayahnya sendiri. Kemudian melanjutkan pengajiannya di pelbagai pesantren khususnya di Pulau Jawa seperti Pesantren Shona, Siwalan Buduran, Langitan, Tuban, Demangan, Bangkalan dan Sidoardjo(Azyumardi Azra.2005). Beliau juga seorang penghafal al-Quran. Pada tahun 1893 Hasyim Asy‘ari beliau berhijrah ke Mekah. Salah seorang guru beliau di Mekah ialah al-Tarmasiy.

### **Mengajar Di Masjidil Haram**

Setelah bermukim di sana beliau menuntut ilmu dengan tekun di bawah asuhan guru-gurunya sehingga al-Tarmasiy menjadi ulama besar yang mampu menjadikan dirinya sebagai salah seorang pengajar di Masjidil Haram. Pada waktu mengajar di Masjidil Haram di Bab al-

Safa<sup>21</sup> kebanyakan murid-muridnya adalah orang jawa. Di antara mereka ialah saudara-saudaranya sendiri seperti K. Dimyathi, K. Dahlan dan K. Abdul Rozaq. Terdapat juga tokoh-tokoh lain yang setelah pulang ke jawa menjadi kiai besar di tempat masing-masing, seperti K. Hasyim Asy'ari dari Tebuireng Jombang, KH. Dahlan dari Watucongol Muntilan, Raden Mas Kumambang dari Surabaya dan lain sebagainya<sup>22</sup>.

### **Sumbangan Mahfuz al-Tarmasiy dalam bidang pengajian Islam**

Seperti yang telah disebutkan, bahawa selain sebagai ulama yang menguasai kitab, Syeikh Mahfuz al-Tarmasiy juga mengarang berpuluhan-puluhan kitab yang sampai sekarang belum dicetak atau diterbitkan. Terdapat juga beberapa lembaran naskah yang hilang sehingga menjadi penyebab belum dapatnya dicetak. Selain daripada itu telah berlaku banjir besar pada tahun 1930 Masihi di Demak mengakibatkan beberapa naskah penulisan beliau turut dihanyutkan<sup>23</sup>. Kita ketahui bahwa diantara kitab-kitab karangan Syeikh Mahfuz ada yang dipergunakan oleh hampir semua pondok pesantren di Indonesia, bahkan menurut beberapa keterangan menyebutkan kitab-kitab karangan beliau itu banyak juga yang dipakai sebagai literatur wajib pada beberapa perguruan tinggi di negara-negara arab, misalnya perguruan tinggi di Arab Saudi Arabia, Iraq dan sebagainya.

### **Kitab-kitab karangan al-Tarmasiy**

Kitab-kitab karangan beliau tersebut masih ada yang dipakai dalam pengajian di Masjid al-Haram. Di antara kitab-kitab tersebut ialah<sup>24</sup>:

#### **Bidang Fiqh dan Usul Fiqh**

- 1- Al-Siqayah al-Mardhiyyah fi Asami al-Kutub al-Fiqhiyyah li Ashabina al-Shafi'iyyah, Selesai penulisan pada hari Jumaat, Sya'ban 1313 H. Dicetak oleh Mathba'ah at-Taraqqil Majidiyah al-Utsmaniyah, Mekah (tanpa tahun). Ia dikumpulkan di dalam 3 kurras<sup>25</sup>.
- 2- Nayl al-Ma'mul Sharh Lub al-Usul 'ala Ghayat al-Wusul. 3 Jilid.
- 3- Is'af al-Mutali' Sharh Jam' al-Jawami'. 2 jilid.
- 4- Hashiyat Takmilat al-Manhaj al-Qawim ila al-Faraaid. 1 jilid. Mawhibat Zi al-Fadl Hasyiyyah syarh Mukhtashar biafdhal, kitab ini terdiri dari empat jilid. Jilid pertama diselesaikan pada 25 Safar 1315 H. Jilid kedua diselesaikan pada hari Jumaat, 27 Rabiulakhir 1316 H. Jilid ketiga diselesaikan pada malam Ahad, 7 Rejab 1317 H.

---

<sup>21</sup> Al-Mu'allimiyy, 'Abdullah bin 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim, *A'lam al-Makkiyyin*, 1421H/2000M, hlm. 30. Mekah: Dar al-Furqan, Cet:1.

<sup>22</sup> Muhammad Mahfuz, Tahkik oleh cucunya Syeikh Harir Muhammad Mahfuz, *al-Khil'atul Fikriyah fi Syarh al-Minhah al-Khairiyah*, 2007, hlm. ↗.

<sup>23</sup> Temubual bersama cucu beliau Syeikh Harir bin Muhammad bin Muhammad Mahfuz

<sup>24</sup> Muhammad Mahfuz, Tahkik oleh 'Abdullah Zaini bin 'Uzayr al-Jatawiyy 1994.

<sup>25</sup> Kurras merupakan istilah percetakan lama. Setiap kitab mengandungi beberapa kumpulan halaman yang disatukan. Kebiasaannya kumpulan ini mengandungi 8 atau 16 halaman. Ia disebut Kurras atau Kurrasah. Kata jamaknya ialah Kararis.

Jilid keempat, diselesaikan pada malam Rabu, 19 Jamadilakhir 1319 H. Dicetak oleh Mathba<sup>c</sup>ah al-Amirah al-Syarfiyah, Mesir, 1326 H. 3 jilid.

### **Bidang Hadith dan <sup>c</sup>Ulum Hadith**

Senarai nama kitab-kitab karangan beliau dalam bidang hadith adalah seperti berikut<sup>26</sup>:

- 1- Manhaj Dhawi al-Nazar fi Sharh Manzumat <sup>c</sup>Ilm al-Athar.
- 2- Al-Minhah al-Khairiyah Fi <sup>c</sup>Arba<sup>c</sup>in Hadithan Min Ahadith Khayr Al-Bariyyah.
- 3- Al-Khil<sup>c</sup>ah al-Fikriyyah fi Sharh al-Minhah al-Khayriyyah.

### **Bidang Tafsir**

- 1- Fath al-Khabir bi Sharh Miftah al-Tafsir. 15 kurras.

### **Bidang Sanad**

- 1- Kifayat al-Mustafid li ma <sup>c</sup>Ala min al-Asanid

### **Bidang Tasawuf**

- 1- <sup>c</sup>Inayat al-Muftaqir Fi Ma Yata<sup>c</sup>allaq Bi Sayyidina al-Hidr. 2 Kurras.
- 2- Bugyat al-Adhkiya' Fi al-Bahth <sup>c</sup>An Karamat al-Awliya'. 3 kurras.
- 3- Tahyiat al- Fikr bi Syarh alfiyyat al-Sayr. 14 kurras.

### **Bidang al-Qiraat**

- 1- Ta<sup>c</sup>mim al-Manafi<sup>c</sup> Bi Qiraat Al-Imam Nafi<sup>c</sup>
- 2- Tanwir al-Sadr bi Qiraat al-Imam Abi <sup>c</sup>Amr
- 3- Al-Risalah al-Tarmasiyyah fi Isnad al-Qiraat al-<sup>c</sup>Ashriyyah
- 4- Inshirah al-Fawaid fi Qiraat al-Imam Hamzah Riwayatay Khalaf wa Khallad
- 5- Al-Badr al-Munir fi Qiraat al-Imam Ibn Kathir
- 6- Ghunyat al-Talabah bi Sharh al-Tayyibah

### **Kesimpulan**

Pengajian Islam merupakan bidang yang mempunyai ramai peneroka sepanjang zaman. Penerokaannya adalah meliputi pelbagai disiplin ilmu yang bertunjangkan al-Quran dan al-Sunnah serta disiplin-disiplin lain yang tercipta demi memahami kandungan dan kehendak kedua-dua sumber utama ini.

Umumnya ladang pengkajian ini dibanjiri oleh ulama-ulama berbangsa Arab manakala bangsa lain kelihatannya hanya duduk menumpang teduh. Namun ada juga sebilangan ulama terkemuka daripada puak Ajam yang tampil menabur jasa. Walaubagaimanapun, kelihatannya ia lebih tertumpu ke kawasan benua kecil India dan benua hitam Afrika.

---

<sup>26</sup> Al-Tarmasiy.

Kemunculan Syeikh Ahmad Khatib al-Minangkabawiy, al-Tarmasiy serta beberapa tokoh lain dari kepulauan Nusantara yang dulunya terletak jauh dari pusat Islam sedunia, Mekah dan Madinah, merupakan bukti bahawa sekalipun jarak memberi kesan kepada penghasilan ilmu serta jasa penulisan, terdapat juga beberapa tokoh yang berjiwa besar tampil untuk menafikan cabaran hebat ini pada era tersebut.

### **Rujukan**

Al-Siba<sup>c</sup>iy,Ahmad , *Tarikh Makkah*, Matabi<sup>c</sup> al-Safa, 1999M/1420H.hlm:580.

al-Tarmasiy, Muhammad Mahfuz bin <sup>c</sup>Abdillah bin <sup>c</sup>Abd al-Mannan, *Hashiyat Takmilat al-Manhaj al-Qawim ila al-Faraaid*.2011. Jedah.

al-Tarmasiy, Muhammad Mahfuz bin <sup>c</sup>Abdillah bin <sup>c</sup>Abd al-Mannan, *Ta<sup>c</sup>mim al-Manafi<sup>c</sup> bi Qiraat al-Imam Nafi<sup>c</sup>*, 1907M/1324, Mekah.

Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, 1988. Majlis Agama Islam dan adat Istiadat Melayu Kelantan. Kuala Lumpur. Cet.1. Hlm:128.

Zirikliyy, *Al-A<sup>c</sup>lam- Qamus Tarajum li Ashhar al-Rijal wa al-Nisa' min al-<sup>c</sup>Arab wa al-Musta<sup>c</sup>ribin wa al-Mustashriqin*. 1984. Beirut: Dar al-<sup>c</sup>Ilm li al-Malayin. Cet.9. Hlm.34.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah, Dalam Ruangan Agama, Utusan Malaysia, 21 Mac 2005.

Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Koleksi Ulama Nusantara*, 2005. Khazanah Fathaniyah.Perpustakaan Ukm. Kuala Lumpur. Cet 1.Jld: 2. Hlm: 23.

### **Website**

<http://berandaladina.wordpress.com/2010/03/10/syeikh-mahfuz-at-tarmasi-ulama-hadis-dunia-melayu/>

### **Temubual**

Temubual bersama cucu beliau Syeikh Harir bin Muhammad bin Muhammad Mahfuz